KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	08.05.22	MUKA SURAT	:	8
JABATAN	:	JKPTG			

BH 805

8

KeTSA naik taraf Unit Pembahagian Pusaka hujung tahun

Kota Bharu: Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) sedang dalam proses untuk menaik taraf Unit Pembahagian Pusaka menjadi sebuah jabatan khusus pada hujung tahun ini.

Menterinya, Datuk Seri Takiyuddin Hassan, berkata buat masa sekarang unit terbabit berada di bawah Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) bagi menyelesaikan kes tunggakan pembahagian harta pusaka yang semakin meningkat.

Beliau berkata, kementerian itu juga sudah berunding dengan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan kini sedang meneliti dari segi perjawatan dan menjangkakan ia dapat diselesaikan pada tahun ini.

"Wujudnya satu jabatan khusus pada peringkat Persekutuan dan negeri bagi menguruskan hal ehwal pembahagian harta pusaka sekarang ini hanya sebagai satu unit di JKPTG.

"Unit ini akan menjadi sebuah jabatan yang lebih besar di bawah KeTSA kerana ia membabitkan hal tanah dalam pembahagian harta pusaka untuk orang Islam, terutama yang bernilai RM600,000 ke bawah manakala RM600,000 ke atas perlu ke Mahkamah Tinggi.

"Jadi, peranan Unit Pembahagian Pusaka ini cukup besar kerana semua orang Islam sedikit sebanyak mempunyai harta pusaka, jadi dan disebabkan itulah saya berhasrat untuk menaik taraf unit ini kepada satu jabatan yang mempunyai ketua pengarah dan sebagainya.

"Sekarang unit ini boleh mengendalikan dua perkara iaitu harta tidak alih seperti tanah dan bangunan, manakala harta alih pula termasuk kereta dan motosikal," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri di Kota Bharu, di sini, semalam.

Media sebelum ini melaporkan, sebuah jabatan baharu bakal ditubuhkan untuk menyelesaikan kes tunggakan pembahagian harta pusaka yang semakin meningkat setiap tahun.

Takiyuddin berkata, proses pelaksanaan mewujudkan jabatan baharu itu sudah diserahkan kepada JPA untuk tindakan.

Katanya, Bahagian Pembahagian Pusaka di bawah kementerian itu kini menerima lebih 60,000 permohonan pembahagian pusaka setiap tahun, selain menunjukkan trend peningkatan dari semasa ke semasa.

"Keperluannya juga sangat mendesak memandangkan sekarang ini kes yang tertunggak agak banyak," katanya.